

Demi kemaslahatan Johor

Oleh **SITI A'ISYAH SUKAIMI**
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: “Kita akan terus bersama-sama. Itu janji kita, bukan untuk UMNO tetapi negeri Johor.”

Itu tegas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika ditanya sama ada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Johor akan menarik sokongan terhadap Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad.

Muhyiddin yang juga Presiden Bersatu berkata, setakat hari ini tiada keputusan berhubung penarikan sokongan tersebut kerana Bersatu lebih memikirkan soal menjaga kemaslahatan di negeri itu.

“Yang penting dari sudut Bersatu adalah memikirkan soal negara, negeri dan rakyat supaya tidak timbul satu pergolakan yang nanti akan membawa kesan buruk kepada negeri.

“Sebab itu di peringkat negara, saya dan rakan Kabinet UMNO telah putuskan mereka terus kekal bersama, baik menteri atau timbalan menteri. Jadi untuk Johor akan kekal begitu,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Bersatu Johor dan Perikatan Nasional (PN) Johor di sini, semalam.

Beliau turut meluahkan harapan supaya keadilan diberikan



MUHYIDDIN Yassin tiba untuk mempengerusikan mesyuarat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) Johor di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

kepada parti tersebut di Johor.

“Cuma harapan kita berlaku adillah kepada Bersatu kerana ada rungutan, pembahagian jawatan ketua-ketua kampung dibuat secara tidak dirunding dengan betul. Ini membangkitkan rasa tidak puas hati,” katanya.

Mengulas lanjut, Muhyiddin yang juga Ketua Bersatu Johor berkata, dalam mesyuarat itu, Bersatu Johor menyuarakan rasa kesal terhadap hasil Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung baru-baru ini.

“Bagaimanapun, kenyataan

rasminya sudah dikeluarkan oleh Bersatu Johor beberapa hari lepas,” katanya.

Mengenai kerjasama antara Bersatu dan Pas, beliau yang juga Pengerusi PN berkata, dalam apa jua situasi dan keadaan, kedua-dua parti tersebut terus bersama-sama.

“Kita telah bertekad supaya apa pun situasi, kita bersama-sama dan baiknya dalam mesyuarat saya hadir bersama Pas di peringkat nasional, nampak komitmen kami kedua-dua parti terhadap hala tuju ke ha-

dapan yang amat jelas.

“Apa pun yang berlaku itu soal UMNO, tetapi dari sudut kerjasama Pas dan Bersatu untuk ke hadapan itu jelas termasuk penubuhan jawatankuasa bersama, berbincang persiapan pilihan raya, rundingan kerusi kerana saya rasa ini nak diutamakan,” katanya.

Sebelum ini, Bersatu Johor mengingatkan Hasni bahawa beliau boleh tumbang pada bila-bila masa berikutan memiliki sokongan rapuh sebagai Menteri Besar.